

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN :

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran lanjut tentang projek PR1MA di Pulau Pinang kerana tidak ada mana-mana projek yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang. Apakah jumlah unit dan wang pelaburan yang dicadangkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 24,359 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini adalah melebihi jumlah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012 iaitu untuk membina 20,000 unit rumah murah dan mampu milik di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini juga dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang diadakan dari semasa ke semasa.

Cadangan pembangunan yang telah dikenal pasti ini didapati berpotensi untuk dibangunkan rumah mampu milik PR1MA. Oleh yang demikian, PR1MA sedang menyediakan permohonan Kebenaran Merancang bagi projek - projeknya di Pulau Pinang dan akan memajukan permohonan tersebut kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat mengikut fasa perancangan projek dan kesesuaianya. PR1MA bersedia dan terbuka untuk mengadakan rundingan dan perbincangan dari semasa ke semasa bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan pembangunan PR1MA dapat dijayakan demi kemaslahatan rakyat khususnya penduduk di negeri Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.